



Mengubah Kaedah Pembelajaran

MANA-MANA murid, pelajar atau mahasiswa, mahupun pendidik pastinya tidak pernah terlintas dalam fikiran mereka bahawa sesi persekolahan, pembelajaran atau kuliah terpaksa dihentikan atau ditangguhkan untuk tempoh masa yang tidak diketahui bila akan berakhir.

Namun begitu, hal inilah yang sedang berlaku di negara ini. Semuanya berpunca daripada pandemik COVID-19 yang melanda negara. Semua sekolah, universiti awam (UA) dan universiti swasta (US) terpaksa ditutup. Tujuannya bagi membendung penularan COVID-19 dalam kalangan pelajar.

Hingga awal Mei lalu, pada ketika banyak sektor ekonomi mula dibenarkan beroperasi, sekolah dan institusi pengajian tinggi masih belum dibuka. Ada tanda-tanda bahawa sekolah akan ditutup untuk tempoh yang agak lama berbanding dengan sektor yang lain. Hal ini dikatakan demikian apabila pada 10 April lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dalam Perutusan Khasnya menjelaskan bahawa sesi persekolahan

akan ditangguhkan sehingga kerajaan benar-benar yakin negara akan kembali pulih daripada wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, ujarnya, pelajar sekolah masih perlu meneruskan pembelajaran di rumah.

“Saya telah meminta Kementerian Pendidikan supaya melaksanakan pembelajaran dari rumah atau *home based learning* sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini,” ujar Perdana Menteri.

Sementara itu, pada 15 April lalu, Menteri Kanan Pendidikan, Dr. Mohd Radzi Jidin, mengumumkan bahawa Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dan Pentaksiran Tingkatan 3 untuk tahun ini dibatalkan, manakala bagi Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Vokasional Malaysia dan Sijil Tinggi Agama Malaysia pula, Radzi berkata, peperiksaan itu akan ditangguhkan ke suku pertama tahun 2021. Bagi calon yang menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, peperiksaan semester dua ditangguhkan ke Ogos 2020. Bagi peperiksaan semester tiga pula akan ditangguhkan ke suku pertama tahun 2021.

Sejak PKP dilaksanakan pada 18 Mac lalu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) banyak mengatur strategi dalam memastikan pelaksanaan dan pembelajaran dapat terus dilaksanakan. KPM juga telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa PKP yang memperincikan peranan dan tanggungjawab pentadbir, guru, ibu bapa dan murid untuk memastikan penyampaian PdP yang berkesan.

KPM sememangnya menyedari bahawa wujud perbezaan dari segi akses kepada teknologi dalam kalangan guru, ibu bapa dan murid. Sehubungan dengan itu, guru digalakkan menggunakan pelbagai pelantar dalam talian serta media sosial yang bersesuaian untuk merancang dan memberikan arahan, tugas dan kerja rumah. Mengambil

kira murid dengan akses internet yang terhad, guru diminta melaksanakan aktiviti pembelajaran menggunakan buku teks, buku kerja, buku ulang kaji dan buku aktiviti bagi memastikan tiada murid yang ketinggalan dalam pembelajaran.

KPM juga menyediakan pelantar pembelajaran oleh KPM, iaitu MOE-DL. Pelantar ini menyediakan pautan kepada Google Classroom dan Microsoft Team untuk tujuan PdP, buku teks digital, video PdP (EduwebTV/CikgooTube) dan pautan aplikasi yang membantu PdP seperti Edpuzzle (aplikasi pengajaran menggunakan video secara interaktif), Quizizz (kuiz berbentuk permainan) dan Kahoot (pembelajaran berasaskan permainan). Di samping itu, ibu bapa juga boleh mengakses EduwebTV bagi membantu pembelajaran anak di rumah.

Umum mengetahui bahawa tahap kecelikan penggunaan internet di negara ini amat memberangsangkan, oleh itu bukanlah sesuatu yang mustahil untuk memberikan kesedaran terhadap kepentingan pembelajaran secara dalam talian kepada pelajar pada pelbagai peringkat pada masa akan datang atau untuk semua pihak bersama-sama bersedia dengan kebiasaan baharu kesan daripada pandemik COVID-19.

Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Hootsuite and We are Social dalam laporan tahun 2019, Malaysia menduduki kelompok kelima tertinggi di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara dalam penembusan media sosial mudah alih. Laporan itu berkata, penembusan internet di Malaysia kini berada pada tahap 80 peratus, dengan pengguna membelanjakan purata lapan jam lima minit sehari secara dalam talian.

Oleh itu, diyakini bahawa bukanlah sesuatu yang janggal apabila pelajar dapat didedahkan dengan pembelajaran dalam talian. Pelaksanaannya secara menyeluruh

sudah semestinya akan mengambil masa khususnya mengambil kira faktor capaian internet di luar bandar dan pemilikan kemudahan telefon bimbit atau komputer dalam kalangan pelajar.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Jasin, Mohamad Idham Md. Razak, bagi memastikan kaedah pembelajaran secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan berkesan, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira seperti pembinaan kawalan persekitaran, kepentingan interaksi secara interaktif, latihan yang efektif dan berkesan, akses capaian teknologi yang maksimum, tahap piawaian yang standard, jaminan kualiti sumber yang tidak terhad, penentangan terhadap perubahan semasa dan teknologi, permasalahan berkaitan harta intelektual dan hak cipta, serta sokongan institusi pendidikan yang menjalankan kaedah pembelajaran secara dalam talian.

Oleh itu katanya, setiap pendidik harus memperkenalkan metodologi yang dapat membantu meningkatkan kualiti proses pembelajaran dengan menyediakan maklumat yang berguna tentang pelajar dan aktiviti yang telah dijalankan oleh mereka dalam sistem pembelajaran secara dalam talian.

Selain itu, pendidik dan institusi yang menjalankan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian juga perlu memastikan bahawa rangkaian sosial boleh dipercayai dan mampu untuk mengukur prestasi akademik sebenar serta memastikan jaringan keselamatan yang terkawal agar tiada isu kebocoran maklumat yang tidak wajar.

KELEBIHAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN

1. Mampu menampung keperluan setiap orang

Kaedah pembelajaran secara dalam talian sangat sesuai untuk

semua orang. Revolusi digital ini telah menyebabkan perubahan yang luar biasa dalam capaian maklumat, perbincangan, dan pembahagian tugas. Keselesaan juga merupakan ciri utama yang menyebabkan kebanyakan pelajar di negara maju memilih kaedah pembelajaran secara dalam talian.

2. Kuliah maya

Tidak seperti pengajaran di bilik darjah, dengan pembelajaran secara dalam talian, pelajar dapat mengakses kandungan secara berkala. Hal ini sangat diperlukan untuk tujuan penyemakan bahan pembelajaran semasa membuat persiapan untuk peperiksaan.

3. Menawarkan akses maklumat yang terkini

Manfaat utama pembelajaran secara dalam talian adalah untuk memastikan anda selari dengan maklumat yang terkini. Hal ini membolehkan sesiapa pun dapat mengakses kandungan yang dikemas kini pada bila-bila masa.

4. Sistem pembelajaran yang pantas

Masa yang diperlukan untuk belajar dapat dikurangkan antara 25 peratus hingga 60 peratus daripada apa-apa yang diperlukan dalam pembelajaran tradisional.

5. Ketekalan

Pembelajaran secara dalam talian membolehkan pendidik mendapatkan liputan pada tahap yang lebih tinggi untuk menyampaikan mesej dengan cara yang konsisten untuk pelajar mereka. Hal ini memastikan agar semua pelajar mendapat jenis latihan yang sama.

6. Mesra alam

Disebabkan pembelajaran secara dalam talian merupakan cara belajar tanpa kertas, maka hal itu sedikit banyak dapat melindungi alam sekitar. □